

PROFILE: PLATFORM PEMBINAAN PROFIL DIGITAL UNTUK PEMBANGUNAN KERJAYA

Amir Syauqi, Salwani Abdullah

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Pembangunan platform pembangunan profil digital ini bertujuan untuk membantu pembangunan kerjaya dengan meningkatkan kredibiliti pengguna terhadap majikan. Isu utama yang dikenalpasti adalah kesukaran untuk mempamerkan profil dan portfolio secara digital yang kemas dan teratur, di samping kekurangan fokus terhadap pembinaan kerjaya dalam platform sedia ada. Objektif projek ini adalah untuk membangunkan satu sistem pengurusan profil digital yang mesra pengguna dan interaktif dengan elemen multimedia, membolehkan pengguna memuat naik, mengurus, dan memaparkan pelbagai jenis fail serta butiran dalam profil mereka, selain menyediakan fungsi perkongsian profil untuk pasaran yang lebih luas. Penyelesaian yang dicadangkan ialah pembangunan laman sesawang dengan ciri pembinaan profil digital, pengurusan muat naik fail multimedia dan dokumen sokongan, serta elemen interaktif seperti paparan jumlah tontonan. Metodologi pembangunan menggunakan pendekatan Agile melalui fasa analisis keperluan, reka bentuk, implementasi dan pengujian. Pengujian melibatkan kaedah Ujian Kotak Hitam bagi menguji fungsi utama sistem, serta ujian penerimaan pengguna yang dilaksanakan terhadap 11 responden pengguna sistem ProFile. Hasil dapatan menunjukkan pengguna berpuas hati dengan antara muka dan fungsi sistem, serta mendapati ia memudahkan pembinaan profil digital dan pengurusan fail sokongan. Kesimpulannya, laman sesawang ProFile dapat mengisi jurang kekurangan platform sedia ada dengan menyediakan profil digital holistik yang disokong oleh dokumen sokongan untuk meningkatkan keyakinan majikan, manakala elemen multimedia menjadikan persembahan visual lebih menarik dan sesuai untuk pengguna.

Kata kunci: Profil digital, Multimedia, Laman Sesawang.

Abstract

The development of this digital profile platform aims to support career growth by enhancing users' credibility with employers. The main issues identified are the difficulty of presenting profiles and portfolios in a neat and organized digital format, as well as the lack of career-building focus in existing platforms. The objective of this project is to develop a user-friendly and interactive digital profile management system with multimedia elements, enabling users to upload, manage, and display various types of files and details in their profile, along with providing profile-sharing features for wider career opportunities. The proposed solution is a website with features such as digital profile creation, multimedia and supporting document upload management, and interactive elements like view counts. The development methodology follows the Agile approach through the phases of requirement analysis, design, implementation, and testing. Testing involved the Black Box Testing method to evaluate the main system functions, as well as user acceptance testing conducted with 11 respondents who used the ProFile system. The findings show that users are satisfied with the system's interface and functionality, and find it easy to create digital profiles and manage supporting files/documents. In conclusion, the ProFile website addresses the gap in existing platforms by providing a holistic digital profile supported by well-organized documents to increase employer confidence, while multimedia elements enhance the visual appeal and suitability for users.

Keywords: Digital profile, Multimedia, Website

1.0 PENGENALAN

Perkembangan teknologi digital telah mengubah secara menyeluruh landskap penjenamaan peribadi, namun ramai pengguna masih berdepan kesukaran untuk mengurus portfolio digital mereka secara menyeluruh dalam satu platform berpusat. Graduan dan golongan profesional sering menghadapi cabaran dalam menonjolkan bakat serta pencapaian mereka dengan berkesan. Kajian menunjukkan bahawa sekitar 75% resume tidak melepasi peringkat saringan pertama di syarikat, dan keadaan ini lebih buruk bagi graduan baharu mengikut kajian oleh B dan A (2024). Antara masalah biasa yang terdapat pada resume termasuk susunan maklumat yang lemah, format yang tidak tepat, dan ketidakpastian tentang bahagian yang perlu disertakan atau diketepikan. Ketiadaan sistem pengurusan portfolio yang mampu menggabungkan maklumat pendidikan, pencapaian, kemahiran, dan kandungan multimedia menyebabkan pengalaman pengguna menjadi kurang memuaskan, sekali gus mengakibatkan peluang untuk menonjolkan bakat sering terlepas.

Bagi mengatasi cabaran ini, ProFile dibangunkan sebagai satu penyelesaian inovatif dalam pengurusan portfolio digital. Sistem ini mengintegrasikan teknologi web dengan ciri pengurusan portfolio yang komprehensif, menyediakan platform mesra pengguna untuk mempamerkan hasil kerja dan pencapaian. Menurut Sunarso et al. (2023), kandungan visual meningkatkan profil digital dengan menarik perhatian pengguna, membina identiti jenama, meningkatkan penglibatan di media sosial, dan memudahkan pemahaman produk. Oleh itu, ProFile direka untuk mengatasi kekangan yang wujud pada platform portfolio tradisional dengan menawarkan pengalaman berpusat yang lebih visual, lancar, teratur, dan sesuai untuk keperluan setiap pengguna.

Objektif utama pembangunan ProFile adalah untuk membina sebuah platform berasaskan teknologi web moden seperti PHP dan MySQL yang menggabungkan sistem pengurusan profil yang lengkap. Ia membolehkan pengguna mengurus profil, memuat naik dokumen sokongan, memuat naik fail multimedia, dan menikmati antara muka yang mesra serta mudah digunakan. Dalam proses pembangunannya, pendekatan Model-View-Controller (MVC) digunakan bagi memastikan pemisahan yang jelas antara logik aplikasi, antara muka pengguna, dan pengurusan data. Menurut Kumar et al. (2023), Corak seni bina ini meningkatkan kecekapan pembangunan dengan membolehkan pembangun bekerja secara bebas pada setiap komponen, meningkatkan kebolehselenggaraan, skalabiliti, dan memudahkan integrasi corak reka bentuk moden. Ujian kebolehgunaan turut dijalankan untuk mendapatkan maklum balas berkaitan reka bentuk, kemudahan penggunaan, dan keberkesanan sistem bagi tujuan penambahbaikan. Ujian ini adalah penting kerana menurut Fernandes et al. (2024) ia membolehkan pembangun memahami keperluan dan keutamaan pengguna, yang penting untuk menghasilkan produk yang serasi dengan pengguna sasaran.

Hasil kajian menunjukkan tahap kepuasan pengguna yang tinggi dengan purata skor 4.29 daripada 5, di mana semua fungsi utama beroperasi dengan baik tanpa masalah teknikal yang kritikal. Sistem ini berjaya menyediakan pengurusan portfolio yang relevan dan bersifat peribadi, sekali gus membuka peluang kepada pembangunan ciri-ciri baharu seperti integrasi dengan platform media sosial, pembangunan aplikasi mudah alih, serta penambahan fungsi interaksi sosial bagi memperkukuh komuniti pengguna. ProFile menjadi langkah penting dalam menyelesaikan cabaran penjenamaan peribadi dan menjadi asas kukuh untuk pembangunan sistem portfolio digital yang lebih maju pada masa hadapan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Pelbagai platform digital telah dibangunkan untuk memudahkan pengguna dalam menguruskan dan mempamerkan profil profesional mereka secara digital. Antara platform yang sedia ada termasuk LinkedIn, Xing, dan Read.cv yang menawarkan ciri-ciri pembangunan penjenamaan diri yang komprehensif. Platform-platform ini menggunakan pendekatan berasaskan web dan aplikasi mudah alih untuk memudahkan akses pengguna.

Menurut Nursani and Hardjanto (2024) LinkedIn menggalakkan pengguna menghasilkan ringkasan profil yang menarik bagi menonjolkan kekuatan, pengalaman, dan keunikan diri, yang merupakan aspek penting dalam penjenamaan peribadi. Sistem ini menggunakan algoritma pencarian dan penapisan yang canggih untuk memudahkan pengguna mencari dan berhubung dengan profesional lain dalam bidang yang sama. Walau bagaimanapun, platform ini mempunyai had dari segi penyesuaian reka bentuk dan pengurusan kandungan multimedia yang terhad kepada format tertentu sahaja.

Afanasyeva (2018) pula mendapati bahawa portfolio kerjaya digital yang direka dengan baik dapat melengkapkan resume digital, meningkatkan penjenamaan peribadi, dan membezakan calon dalam pasaran kerja yang kompetitif. Elemen utama portfolio digital yang berjaya termasuk visual berkualiti tinggi, navigasi yang teratur, dan kandungan yang relevan, yang secara keseluruhan mempengaruhi keputusan majikan. Hal ini membuktikan bahawa resume digital jelas menonjolkan seseorang calon dalam pasaran kerja yang kompetitif. Ini dapat membantu meningkatkan peluang untuk seseorang calon berjaya mendapatkan kerja.

Kajian oleh Kholik et al. (2024) mendapati bahawa reka bentuk responsif yang dilaksanakan dengan baik dapat meningkatkan kepuasan pengguna secara signifikan kerana ia selaras dengan keperluan dan keutamaan mereka, sekali gus mendorong tahap penglibatan yang lebih tinggi. Kajian tersebut membuktikan bahawa penggunaan prinsip reka bentuk berasaskan pengguna mampu meningkatkan kadar penggunaan dan kepuasan secara keseluruhan.

Hasil analisis terhadap sistem sedia ada menunjukkan keperluan untuk pembangunan platform profil digital yang menggabungkan ciri-ciri terbaik dari pelbagai sistem sedia ada. Sistem yang dibangunkan perlu menekankan fleksibiliti dalam penyesuaian reka bentuk,

pengurusan kandungan multimedia yang cekap, dan algoritma pencarian yang canggih untuk memberikan pengalaman pengguna yang optimum dalam pembangunan profil digital.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini merangkumi analisis keperluan, merangka reka bentuk model konseptual, pembangunan aplikasi, pengujian kebolehgunaan dan hasil. Metodologi menerangkan kaedah bagi mengatasi masalah yang dikenal pasti serta menerangkan proses kajian yang dilakukan.

3.1 Analisi Keperluan

Analisis keperluan ProFile bermula dengan pengenalanpastian masalah utama yang dihadapi oleh individu dalam pembinaan profil dan portfolio digital. Masalah utama yang dikenal pasti adalah kesukaran pengguna untuk mencipta dan menguruskan portfolio digital yang komprehensif dan profesional dalam satu platform. Pengguna khususnya menghadapi cabaran untuk menyusun maklumat pendidikan, pencapaian, kemahiran, dan portfolio kerja mereka dengan cara yang sistematik dan menarik. Keadaan ini menyebabkan pengalaman pengguna yang kurang memuaskan dan potensi untuk menonjolkan bakat dan pencapaian terlepas pandang, terutamanya bagi graduan baharu dan profesional yang ingin membina jenama peribadi mereka.


Keperluan fungsian sistem ProFile merangkumi pembangunan platform web yang mengintegrasikan sistem pengurusan profil peribadi dengan sistem pengurusan kandungan multimedia yang komprehensif. Sistem ini perlu mampu menguruskan maklumat peribadi pengguna, pendidikan, pencapaian, dan kemahiran melalui antara muka yang intuitif dan mudah digunakan. Selain itu, sistem perlu menyediakan fungsi pengurusan kandungan yang membolehkan pengguna memuat naik, menguruskan, dan memaparkan portfolio kerja mereka dalam pelbagai format termasuk audio, video, dan dokumen. Sistem juga perlu menyediakan platform yang boleh diakses oleh pengguna lain untuk melihat dan memberikan maklum balas terhadap portfolio, dengan itu menyumbang kepada sistem profil digital yang lebih interaktif dan kolaboratif.

Keperluan bukan fungsional sistem merangkumi aspek prestasi yang kritikal untuk memastikan pengalaman pengguna yang lancar. Sistem perlu beroperasi dengan kelajuan yang tinggi dan responsif, dengan masa muat halaman yang minimum dan keupayaan untuk

mengendalikan upload fail multimedia yang besar secara serentak. Aspek keselamatan data pengguna adalah keutamaan, di mana sistem perlu menyimpan data dengan selamat, autentikasi yang kukuh, dan pengurusan sesi yang berkesan untuk melindungi maklumat peribadi pengguna. Kebolehgunaan sistem juga merupakan keperluan penting, di mana antara muka perlu intuitif, mudah digunakan, dan responsif kepada pelbagai saiz skrin dan peranti.

Kaedah pengumpulan data untuk analisis keperluan melibatkan tinjauan literatur yang komprehensif mengenai platform *personal branding* sedia ada seperti LinkedIn, Resume.cv, dan portfolio digital yang popular. Analisis ini membantu memahami kelemahan sistem sedia ada dan peluang untuk penambahbaikan. Data yang dikumpulkan melalui kaedah ini digunakan untuk membentuk keperluan sistem yang tepat dan relevan dengan keperluan pengguna. Keperluan teknikal sistem merangkumi penggunaan teknologi web moden termasuk PHP untuk pembangunan web, MySQL untuk pengurusan pangkalan data, dan HTML5, CSS3, JavaScript untuk antara muka pengguna. Sistem menggunakan pendekatan Model-View-Controller (MVC) untuk memastikan pemisahan yang jelas antara logik sistem, antara muka pengguna, dan pengurusan data. Integrasi dengan teknologi Tailwind CSS diperlukan untuk memastikan reka bentuk yang konsisten dan responsif.

Analisis keperluan ini memastikan bahawa sistem ProFile dibangunkan dengan mengambil kira keperluan sebenar pengguna dan menyediakan penyelesaian yang komprehensif. Sistem juga menyokong keupayaan untuk pengembangan dan penambahbaikan berterusan berdasarkan maklum balas pengguna dan perkembangan teknologi.



Rajah 3.1 Navigasi Antara Muka Laman Sesawang



Rajah 3.2 Lakaran Prototaip Laman Sesawang

3.2 Reka Bentuk Model Konseptual


Model konseptual ProFile direka untuk menggambarkan struktur dan interaksi komponen utama sistem pada peringkat abstrak, memastikan pemahaman yang jelas mengenai bagaimana sistem berfungsi secara keseluruhan. Model ini menggariskan entiti-entiti utama sistem termasuk Pengguna, Profil, dan Kandungan Multimedia, serta hubungan antara komponen-komponen ini. Pengguna berinteraksi dengan antara muka pengguna (UI) untuk mengurus profil peribadi, memuat naik portfolio kerja, dan berinteraksi dengan pengguna lain, manakala data pengguna dan portfolio disimpan dalam pangkalan data MySQL yang terstruktur dengan baik untuk memastikan pengurusan data yang cekap dan selamat.

Antara muka pengguna (UI) berfungsi sebagai lapisan interaksi utama antara pengguna dan sistem, menyediakan fungsi carian profil, navigasi utama, dan pengurusan profil pengguna. Antara muka ini direka untuk menjadi intuitif dan mesra pengguna, dengan reka bentuk responsif yang dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai saiz skrin dan peranti. Antara muka juga menyediakan akses kepada fungsi-fungsi utama sistem termasuk carian profil, paparan maklumat, pengurusan fail multimedia, dan sistem maklum balas, memastikan pengguna dapat mengakses semua fungsi yang diperlukan dengan mudah dan cekap.

Sistem *Backend* yang merupakan teras sistem menggunakan teknologi web moden termasuk PHP, HTML, JavaScript, dan CSS untuk pembangunan aplikasi yang komprehensif. Sistem ini menggabungkan pelbagai pendekatan termasuk pengurusan sesi yang selamat, pengesahan data, dan pemprosesan fail multimedia yang cekap. Sistem ini juga menggunakan teknologi web responsif untuk memastikan pengalaman pengguna yang optimum di pelbagai peranti, serta pengurusan pangkalan data yang terstruktur untuk memastikan integriti data dan keupayaan untuk mengendalikan jumlah data yang besar.

Pangkalan data MySQL berfungsi sebagai repositori pusat untuk semua data sistem, termasuk maklumat pengguna, data profil, pendidikan, pencapaian, kemahiran, creation, dan feedback. Pangkalan data ini direka dengan struktur yang teratur dan efisien, dengan jadual-

jadual yang saling berkaitan untuk memastikan integriti data dan keupayaan untuk mengendalikan jumlah data yang besar.



Rajah 3.3 Model Konseptual

4.0 HASIL

4.1 Pembangunan Laman Sesawang

Pembangunan laman sesawang ProFile telah dilaksanakan dengan menggunakan teknologi web moden untuk mencipta platform portfolio digital yang komprehensif. PHP digunakan sebagai bahasa pengaturcaraan utama untuk membangunkan logik aplikasi, manakala MySQL berfungsi sebagai sistem pengurusan pangkalan data untuk menyimpan maklumat pengguna, profil, pendidikan, pencapaian, kemahiran, dan kandungan multimedia. Antara muka pengguna dibangunkan menggunakan HTML, CSS, dan JavaScript untuk memastikan reka bentuk yang responsif dan mesra pengguna.

Proses pembangunan bermula dengan analisis keperluan sistem dan reka bentuk pangkalan data yang terstruktur. Lapan jadual pangkalan data telah direka bentuk untuk menguruskan data pengguna, profil, pendidikan, pencapaian, kemahiran, creation, feedback, dan fail multimedia. Setiap jadual direka dengan hubungan yang tepat untuk memastikan integriti data dan keupayaan untuk mengendalikan jumlah data yang besar. Sistem ini juga

menggunakan pendekatan modular untuk memudahkan penyelenggaraan dan pengembangan pada masa hadapan.

Aspek penting dalam pembangunan adalah sistem pengurusan fail multimedia yang membolehkan pengguna memuat naik pelbagai jenis fail termasuk gambar, video, audio, dan dokumen. Sistem ini menyediakan keupayaan untuk menyimpan fail dengan nama yang unik, menguruskan thumbnail untuk video, dan memaparkan kandungan multimedia dengan cekap. Modul pemprosesan fail diintegrasikan dengan logik aplikasi utama untuk memastikan fail dapat dimuat naik, disimpan, dan dipaparkan dengan selamat dan cekap.

Sistem pencarian dan pelayaran profil dibangunkan untuk membolehkan pengguna mencari dan melihat profil pengguna lain. Fungsi carian menggunakan teknologi AJAX untuk memberikan pengalaman pengguna yang lancar tanpa perlu memuat semula halaman. Sistem ini juga menyediakan keupayaan untuk melihat profil awam pengguna lain melalui halaman `viewprofile.php` yang direka khusus untuk paparan awam.

Aspek keselamatan diberi penekanan sepanjang fasa pembangunan dengan penggunaan prepared statements untuk mencegah serangan SQL, pengesahan input pengguna yang ketat, dan pengurusan sesi yang selamat. Sistem autentikasi dibangunkan untuk memastikan hanya pengguna yang berdaftar dapat mengakses fungsi-fungsi tertentu, manakala sesetengah kandungan seperti profil awam dapat diakses oleh semua pengguna.


Secara keseluruhan, pembangunan laman sesawang ProFile berjaya menghasilkan platform portfolio digital yang berfungsi sepenuhnya dengan keupayaan untuk menguruskan profil pengguna, memuat naik kandungan multimedia, mencari profil pengguna lain, dan memberikan maklum balas. Sistem ini menyediakan penyelesaian yang komprehensif untuk keperluan personal branding dan portfolio digital sambil mengekalkan tahap keselamatan dan prestasi yang tinggi.

Jadual 4.1 Fungsi yang diuji


Bil.	Perkara	Keputusan
1	Pengurusan profil	Lulus
2	Pengurusan fail	Lulus
3	Carian profil	Lulus
4	Paparan profil pengguna lain	Lulus
5	Pengisian borang maklumbalas	Lulus



Rajah 4.1 Antaramuka Log masuk, Pendaftaran dan Halaman Utama



Rajah 4.2 Antaramuka Profil, Bahagian Pendidikan, Pencapaian, Kemahiran dan Creation



Rajah 4.3 Antaramuka Laman Carian & Lihat Profil

Maklum Balas Pengguna

Bantu kami menambah baik sistem ini untuk perkembangan anda dan pengguna lain.

Berikan penilaian anda

☆ ☆ ☆ ☆ ☆

🗨️ Komen dan cadangan

Tulis maklum balas anda di sini...

0/500

🚀 Hantar Maklum Balas

Maklum balas anda akan membantu kami meningkatkan pengalaman pengguna

Rajah 4.4 Antaramuka Laman Maklumbalas

4.2 Penilaian Laman Sesawang

Pengujian kebolehgunaan merupakan proses penilaian yang dijalankan oleh pengguna akhir untuk memastikan sistem yang dibangunkan dapat berfungsi dengan baik dan memenuhi keperluan pengguna sebelum dilancarkan secara rasmi. Proses ini sangat penting dalam pembangunan aplikasi kerana ia memastikan produk yang dihasilkan benar-benar memenuhi kriteria dan harapan pengguna sasaran.

Tujuan utama pengujian ini adalah untuk mengumpul maklumat mengenai tahap kemudahan penggunaan, kualiti antara muka, dan tahap kepuasan pengguna terhadap sistem ProFile. Pengujian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti maklum balas pengguna dan mengenal pasti ciri-ciri portfolio digital yang memenuhi kehendak pengguna serta dapat ditambah baik pada masa hadapan.

Data dikumpul melalui borang dalam talian yang diedarkan kepada responden. Borang soal selidik dan panduan penggunaan aplikasi dikongsi bersama responden untuk memudahkan mereka memahami dan menguji fungsi sistem. Soalan dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu penilaian fungsi sistem, kebolehgunaan & pengalaman pengguna dan maklum balas terbuka terhadap sistem yang dibangunkan.

Responden terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan latar belakang pengalaman dengan aplikasi web, mencerminkan kepelbagaian pengguna yang berpotensi untuk sistem ini. Majoriti responden adalah dalam lingkungan umur 18 hingga 24 tahun, diikuti oleh kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan 35 tahun ke atas. Dari segi pengalaman, kebanyakan responden mempunyai tahap pertengahan atau lanjutan dalam penggunaan aplikasi web, manakala sebilangan kecil merupakan pengguna baharu.

Selain itu, analisis turut menunjukkan majoriti responden pernah menggunakan sistem pengurusan profil sebelum ini berbanding yang belum pernah mencubanya. Maklumat ini penting untuk memahami tahap pendedahan dan kesediaan pengguna terhadap sistem baharu yang dibangunkan. Dengan latar belakang demografi yang pelbagai, dapatan daripada pengujian ini dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang keperluan, harapan, dan cabaran sebenar pengguna dalam mengurus profil digital mereka.

Penilaian kefungsi sistem ini menggunakan skala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju, 5 = sangat setuju) untuk mengukur tahap keberkesanan fungsi utama dari perspektif pengguna. Nilai min setiap item dianalisis dan dikategorikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi seperti jadual 4.2 bagi memudahkan penilaian prestasi sistem secara menyeluruh.

Jadual 4.2 Skala Interpretasi Min

Skor min	Interpretasi
1.00 – 2.32	Rendah
2.33 – 3.65	Sederhana
3.66 – 5.00	Tinggi

Jadual 4.3 menunjukkan penilaian fungsi sistem ProFile berdasarkan maklum balas responden. Keputusan menunjukkan bahawa semua fungsi utama sistem mendapat penilaian yang tinggi dengan skor min keseluruhan 4.29 daripada 5. Fungsi carian profil mendapat

penilaian terendah (4.18) namun masih berada dalam kategori tinggi. Secara keseluruhan, penilaian ini membuktikan bahawa sistem ProFile berjaya memenuhi keperluan pengguna dan berfungsi dengan cekap.

Jadual 4.3 Penilaian Fungsi Sistem

No.	Item	Min
1	Fungsi daftar dan log masuk berjalan dengan lancar	4.28
2	Fungsi bina dan kemas kini profil adalah mudah dan tidak mengalami ralat	4.34
3	Fungsi muat naik fail adalah mudah dan pantas	4.33
4	Fungsi carian profil memaparkan profil yang tepat dan relevan	4.18
5	Fungsi perkongsian profil dengan pengguna lain berfungsi dengan baik	4.36
	Min keseluruhan	4.29

Jadual 4.4 menunjukkan penilaian kebolegunaan dan pengalaman pengguna terhadap sistem ProFile. Keputusan menunjukkan tahap kepuasan yang sangat tinggi dengan skor min keseluruhan 4.49 daripada 5. Item yang mendapat penilaian tertinggi adalah kepuasan terhadap keseluruhan fungsi sistem dan kesediaan untuk mengesyorkan sistem kepada orang lain (4.73), Penilaian ini membuktikan bahawa sistem ProFile berjaya menyediakan pengalaman pengguna yang memuaskan dan memenuhi piawaian kebolegunaan yang tinggi.

Jadual 4.4 Penilaian Kebolegunaan & Pengalaman Pengguna

No.	Item	Min
1	Antara muka pengguna (UI) sistem ini kelihatan menarik dan profesional	4.36
2	Navigasi antara halaman dalam sistem adalah mudah dan intuitif	4.36
3	Arahan dan maklumat yang dipaparkan dalam sistem adalah jelas dan mudah difahami	4.45
4	Sistem memaparkan mesej ralat yang jelas sekiranya berlaku kesilapan	4.27
5	Sistem memproses permintaan saya dengan pantas	4.55
6	Sistem ini stabil dan tidak mudah mengalami ralat	4.45
7	Saya berpuas hati dengan keseluruhan fungsi yang disediakan oleh sistem ini	4.73
8	Saya akan mengesyorkan sistem ini kepada rakan atau kenalan lain	4.73
	Min Keseluruhan	4.49

Cadangan penambahbaikan untuk sistem ini:

7 responses

Tiada
Tambah fungsi follow profile
Keselamatan privasi data maklumat pengguna
custom tema
Boleh muat naik APK
Akses privasi

Rajah 4.5 Maklum Balas Terbuka

Berdasarkan maklum balas pengguna, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenal pasti untuk sistem ProFile. Antara cadangan adalah penambahan fungsi follow profile untuk meningkatkan interaksi sosial antara pengguna. Selain itu, pengguna juga mencadangkan penambahbaikan dari segi keupayaan untuk memuat naik fail APK, dan pengurusan akses privasi yang lebih baik.

5.0 KESIMPULAN

Projek ProFile telah berjaya mencipta penyelesaian yang berkesan untuk mengatasi masalah pengurusan portfolio digital yang dihadapi oleh pengguna. Sistem ini menggabungkan teknologi web terkini dengan keperluan pengguna untuk menguruskan maklumat peribadi, pendidikan, pencapaian, dan kandungan multimedia dalam satu platform yang terpusat. Melalui pendekatan pembangunan yang sistematik, ProFile berjaya menghasilkan platform yang mudah digunakan dan memenuhi keperluan pengguna untuk menonjolkan bakat dan pencapaian mereka secara profesional.

Pembangunan sistem menggunakan teknologi PHP dan MySQL menghasilkan aplikasi web yang stabil dan berprestasi tinggi. Struktur pangkalan data yang teratur dengan laman jadual yang saling berkaitan memastikan pengurusan data yang cekap dan selamat. Sistem fail multimedia yang diintegrasikan membolehkan pengguna memuat naik pelbagai jenis fail termasuk gambar, video, audio, dan dokumen dengan mudah. Aspek keselamatan yang komprehensif termasuk pengesahan input, pengurusan sesi yang selamat, dan perlindungan terhadap serangan siber telah memastikan data pengguna terpelihara dengan baik.

Keputusan pengujian kebolegunaan menunjukkan tahap kepuasan pengguna yang sangat memuaskan dengan skor purata 4.29 daripada 5. Semua fungsi utama sistem termasuk pendaftaran pengguna, pengurusan profil, muat naik fail, dan carian profil berfungsi dengan baik tanpa masalah teknikal yang serius. Penilaian terhadap aspek kemudahan penggunaan, kualiti antara muka, dan kepuasan pengguna membuktikan bahawa ProFile berjaya memenuhi objektif untuk menyediakan platform portfolio digital yang efisien dan mesra pengguna.

Sistem ini tidak hanya berjaya dari segi teknikal tetapi juga menyediakan platform yang inklusif untuk pelbagai jenis pengguna. Keupayaan untuk menguruskan portfolio yang komprehensif mengatasi kekangan platform tradisional yang terhad dalam menyediakan ruang untuk menonjolkan bakat dan pencapaian pengguna. Secara keseluruhan, ProFile telah membuktikan bahawa teknologi web moden dapat digunakan untuk mencipta penyelesaian yang berkesan dalam industri personal branding. Sistem ini menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan lanjut dan pengembangan ciri-ciri tambahan pada masa hadapan. Kejayaan projek ini membuka peluang untuk integrasi dengan platform lain dan pembangunan aplikasi mudah alih untuk memenuhi keperluan pengguna yang semakin meningkat dalam era digital.

6.0 PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke atas Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia-Nya saya diizinkan untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya. Tidak dilupakan juga kepada para pensyarah, kakitangan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat UKM terutamanya penyelia saya, Prof. Dr. Salwani Binti Abdullah atas tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan sepanjang saya menyiapkan laporan ini. Tidak dilupakan juga, rakan-rakan yang sudi menjadi responden bagi pengujian sistem ini. Dengan nasihat dan ilmu yang dicurahkan, saya dapat menambah baik pemahaman serta menghasilkan laporan ini dengan lebih terperinci dan tepat. Akhir kata, terima kasih yang tulus kepada ahli keluarga saya, rakan-rakan seperjuangan, serta pihak-pihak lain yang turut membantu secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran penyelesaian projek ini. Semoga hasil projek ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Semoga segala kebaikan akan dibalas dengan keberkatan dan rahmat dari-Nya.

7.0 RUJUKAN

- Afanasyeva, O. 2018. Key elements of a successful digital career portfolio for building a strong personal image in the competitive labor market.
- B, J., & A, S. 2024. Resume building web Application. *International Conference on Recent Trends in Computing & Communication Technologies (ICRCCT'2K24)*.
- Fernandes, J. E. L., Da Silva Conceição, A. R., Maia, O. B., De Lima Filho, E. B., De Paula, L. L. B., & Said, M. V. 2024. Conducting usability testing on consumer Electronics: a real experience. *2024 International Conference on Consumer Electronics - Taiwan (ICCE-Taiwan)*, 629–630.
- Kholik, N. A., Soegiarto, N. A., & Sari, N. W. P. 2024. Strategi Komunikasi Visual dalam User Interface (UI) dan User Experience (UX) Untuk Membangun Kepuasan Pengguna. *TUTURAN Jurnal Ilmu Komunikasi Sosial Dan Humaniora*, 2(4), 335–344.
- Kumar, A., Pandey, S. K., Prakash, S., Singh, K. U., Singh, T., & Kumar, G. 2023. Enhancing Web Application Efficiency: Exploring Modern Design Patterns within the MVC Framework. *2022 International Conference on Computational Intelligence and Sustainable Engineering Solutions (CISES)*, 43–48.
- Nursani, A., & Hardjanto, T. D. 2024. Personal branding strategy in LinkedIn Profile Summary: A rhetorical move analysis. *K@Ta*, 26(2), 135–148.
- Sunarso, B., Tusriyanto, N., & Mustafa, F. 2023. Analysing the role of Visual content in increasing attraction and conversion in MSME Digital marketing. *Journal of Contemporary Administration and Management (ADMAN)*, 1(3), 193–200.

Amir Syauqi (A196249)

Salwani Abdullah

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat

Universiti Kebangsaan Malaysia